



## SIARAN MEDIA

### LTAT Perkukuh Usaha MALBATT di Lubnan dengan Sumbangan Keperluan Asas

**KUALA LUMPUR, 25 OKTOBER 2024** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") bersama kumpulan syarikatnya telah mengisyiharkan sokongan aktif mereka terhadap Misi *Civil-Military Coordination* ("CIMIC") oleh Kontinjen *Malaysian Battalion* ("MALBATT") 850-12 di Lubnan melalui penyerahan sumbangan barang keperluan di MALBATT Village, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ikhtiar ini menzahirkan komitmen LTAT dalam menyokong usaha anggota Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") serta membantu rakyat Lubanan yang terkesan akibat konflik yang sedang berlaku di rantau tersebut.

Ikhtiar ini melihat Boustead Holdings Berhad ("Boustead"), Boustead Plantation Berhad ("BPlant"), Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd ("BHPetrol"), Boustead Heavy Industries Corporation ("BHIC"), Boustead Properties Berhad ("BProp") dan Pharmaniaga Berhad ("Pharmaniaga") menyediakan barang keperluan asas seperti yang dimohon oleh kontinjen MALBATT 850-12. Sumbangan ini, yang bernilai lebih daripada RM75,000.00, merangkumi beg sekolah, set alat tulis, tuala, lampin bayi, dan vitamin, yang akan digunakan untuk membantu komuniti yang terkesan di Lubnan.

Ketua Eksekutif LTAT, En. Ashraf Radzi, menegaskan komitmen organisasi terhadap anggota ATM dengan berkata, "LTAT komited sepenuhnya untuk menyokong wira-wira negara yang kini berkhidmat kepada negara mahupun dalam misi kemanusiaan di luar negara. Inisiatif ini mencerminkan dedikasi kami terhadap kebajikan anggota ATM serta tanggungjawab kami untuk membantu komuniti yang memerlukan, terutamanya dalam situasi konflik. LTAT berbangga dapat menyumbang kepada usaha kontinjen MALBATT di Lubnan."

"Ikhtiar ini menunjukkan kerjasama secara kolektif LTAT dan kumpulan syarikatnya. Setiap entiti telah bersatu untuk memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan khusus untuk misi ini, menegaskan komitmen kami terhadap inisiatif nasional yang melangkaui sempadan Malaysia," tambah beliau.

Majlis penyerahan sumbangan secara simbolik telah berlangsung pada hari Khamis, 24 Oktober 2024, di MALBATT Village, melambangkan sokongan padu LTAT dan kumpulan syarikatnya ketika MALBATT bersiap sedia untuk menjalankan misi penting mereka di Lubnan.

-TAMAT-

**Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri  
Pengarah,  
Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my  
No. Tel : +603- 4815 8888  
Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)